

Tolak politik pecah-belah: PM

Oleh Mohd Shah Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat Sabah menolak politik berpecah belah dan benci membenci yang diamalkan oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) selama ini.

Sehubungan dengan itu, kata Perdana Menteri, mereka harus menggunakan pilihan raya negeri bermula esok, untuk menukar kerajaan PBS kepada Barisan Nasional (BN) yang boleh membawa kemakmuran kepada Sabah dan penduduknya.

"Undilah BN untuk Sabah Baru," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini. Pilihan raya negeri Sabah akan berlangsung dua hari dan keputusannya dijangka diketahui pada malam Sabtu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, tempoh sembilan tahun pemerintahan PBS sudah cukup dan rakyat Sabah tidak harus lagi terpedaya dengan parti itu.

bakar hati rakyat Sabah, ialah:

- Kerajaan Persekutuan mahu menjajah Sabah;

- Umno memasuki Sabah kerana mahu menjajah;

- Jika BN memerintah, semua bahasa, adat, agama dan budaya orang Sabah, khususnya suku kaum Dusun akan dihapuskan dan mereka akan diIslamkan. Orang Kristian akan ditindas;

- Jika BN memerintah, semua bahasa suku kaum akan dihapuskan dan diganti dengan bahasa Melayu, dan;

- Sekiranya Ketua Menteri adalah daripada orang Islam, gereja akan dirobohkan.

"Semua ini adalah tidak benar sama sekali. PBS ingin menyakitkan hati orang Sabah terhadap Semenanjung supaya kegagalan kerajaan PBS tidak dijadikan isu.

"Tema PBS ialah bencilah Semenanjung dan sokong PBS. Apa yang akan

"Jika PBS berhasrat membantu rakyat Sabah, selama sembilan tahun ia memerintah, rakyatnya sudah tentu kaya raya. Tetapi semua orang tahu rakyat di Sabah tidak mendapat sesuatu faedah pun di bawah kerajaan PBS.

"Yang mendapat keuntungan ialah orang tertentu dalam PBS," katanya.

Perdana Menteri berkata, PBS masih membangkitkan isu yang memainkan sentimen kaum, agama, kedaerahan dan kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan, dalam kempen pilihan raya sekarang.

Menurutnya, isu yang dibangkitkan itu bukan saja boleh menjejaskan perpaduan kaum dan agama yang dibina selama ini, malah berbahaya serta boleh mengancam kestabilan dan keamanan negara.

"Apakah PBS hendak menjadikan negara ini seperti Bosnia-Herzegovina atau Ireland Utara atau Kashmir," katanya.

Dr Mahathir berkata antara isu yang ditekankan oleh PBS untuk mem-

jadi kepada Sabah jika PBS menerajui kerajaan negeri tidak diambil berat," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kehadiran BN di Sabah adalah di kalangan rakyat negeri itu sendiri dan jika parti itu menang dalam pilihan raya, mereka sendiri yang akan memerintah dan mendapat sokongan penuh Kerajaan Persekutuan.

"PBS sendiri mahu sokongan Kerajaan Persekutuan. Tetapi dalam kempenya PBS mengancam Kerajaan Persekutuan. Jika benar apa yang dikatakan oleh PBS terhadap Kerajaan Persekutuan, kenapa PBS ingin bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

"Sementara PBS menimbulkan kebencian terhadap Semenanjung, PBS menjual segala harta kerajaan Sabah dan kekayaan Sabah kepada orang Semenanjung. Kenapa? Siapa yang untung? Orang Sabahkah atau siapa," katanya.

Dr Mahathir berkata, semua tuduhan PBS ter-

LIHAT MUKA 2

Tolak politik pecah-belah

DARI MUKA 1

BH 11 JUN 1984

hadap Kerajaan Persekutuan itu adalah tidak benar sama sekali.

Menurutnya, kerajaan PBS sebenarnya tidak suka kehadiran anggota Kerajaan Persekutuan di Sabah kerana takut segala penyelewengannya diketahui dan didedahkan oleh Kerajaan Persekutuan.

"Tanpa adanya pegawai Kerajaan Persekutuan di Sabah, hari ini PBS mungkin sudah menjual

Sabah kepada orang tertentu untuk kepentingan PBS dan kepemimpinannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, soal yang patut ditanya oleh orang Sabah ialah kenapa Sabah yang diperintah oleh PBS tidak maju sedangkan Sarawak dengan ramai penduduk bukan Melayu boleh maju.

"Apa yang Sarawak ada, Sabah pun ada, termasuk royalti minyak. Te-

tapi Sarawak maju sedangkan Sabah tidak maju.

"Apakah yang dibuat oleh PBS dengan royalti minyak. Kenapa Sarawak boleh menggunakan royalti minyak dengan baik tetapi Sabah tidak.

"Kerajaan Persekutuan sebenarnya hanya mendapat lima peratus daripada royalti minyak dan bukan 95 peratus seperti yang dituduh oleh PBS," katanya.